



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENGERAKKAN PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK) DAN PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA DI PORT DICKSON**

---

29 Ogos 2021, Port Dickson – YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hari ini telah turun padang melakukan tinjauan proses vaksinasi Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) kepada Masyarakat India Peringkat Daerah Port Dickson yang turut dihadiri oleh Datuk Indera Noridah binti Abdul Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN), YB Dato' Dr. Razali bin Ab. Malik, YB SUK Negeri Sembilan, Tuan Khairy bin Maamor, Pegawai Daerah dan Pegawai-pegawai Kanan KPN, Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

2. MOVAK merupakan sinergi dan inisiatif bersama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang digerakkan ke seluruh negara bagi membantu mewujudkan ekosistem sokongan dalam meningkatkan bilangan penerima vaksin. Program MOVAK bertujuan menyokong usaha Kerajaan untuk mencapai sasaran imuniti kelompok dalam mendepani Pandemik COVID-19 ketika ini.
3. Dalam masa yang sama, KPN melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah mengambil insiatif mengenalpasti lokasi-lokasi penempatan padat masyarakat India di ladang, estet atau taman perumahan di seluruh negara serta membuat hebahan tentang kepentingan mengambil vaksin serta membantu proses pendaftaran vaksin dalam aplikasi MySejahtera bagi masyarakat yang masih belum berdaftar. Bas MOVAK telah disediakan bagi memudahkan masyarakat menerima vaksin. Dalam hubungan ini, pihak MITRA akan sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam memastikan pelaksanaan program ini berjalan lancar.
4. Seramai 250 orang masyarakat India dari kawasan Ladang Salak, Ladang Silliau dan Ladang Bradwall Port Dickson telah menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam Program MOVAK pada hari ini yang turut melibatkan kerjasama Pejabat Daerah Port Dickson dan Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson. YBhg. Tan Sri KPPA turut menyempurnakan Penyerahan Jalur Gemilang daripada Jabatan Penerangan Negeri Sembilan kepada

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Pengarah Perpaduan Negeri Sembilan, Pegawai Daerah PD dan Yang diPertua MPPD bagi menyemarakkan bulan kebangsaan 2021.

5. Sejurus selepas itu, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman turut menyempurnakan agihan bantuan kotak makanan dan barang keperluan asas kepada golongan yang terjejas dengan pandemik COVID-19 di KRT Bandar Sunggala, Port Dickson melalui PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA. Program ini dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama pihak agensi Kerajaan, NGO dan sektor korporat.

6. Objektif PROGRAM RT CARES #KITABERSAMA adalah untuk memperkuuhkan tanggungjawab sosial Kementerian bagi membantu golongan yang terjejas dengan pandemik COVID-19 melalui pemerkasaan komuniti Rukun Tetangga, menggerak dan memperkuuhkan peranan KRT dalam memastikan kelangsungan dan kesejahteraan hidup komuniti semasa tempoh pandemik, membantu inisiatif kerajaan untuk memerangi COVID-19 dan membentuk masyarakat prihatin dan penyayang.

7. YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara serta seluruh tenaga kerja yang terdiri daripada pegawai awam dan sukarelawan yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan inisiatif yang dilaksanakan ini memberi impak kepada kumpulan sasar.

### **Kementerian Perpaduan Negara**

29 Ogos 2021

-TAMAT-

#### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

#### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (81)